

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMELIHARA HUTAN**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pemelihara Hutan Gred G9, G10, G12, G13, G14.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab merancang, menyelia, mengurus dan mengawal sumber hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan termasuk melindungi alam sekitar dan memelihara kepelbagaiannya hayati, menguatkuasa undang-undang hutan, menyedia dan menyelaras projek perancangan dan pembangunan hutan, mengendalikan audit dalaman MS ISO dan Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I), menjalankan penyelidikan dan kajian-kajian ekonomi perhutanan, mengendalikan latihan dan kursus jabatan, melibatkan diri dalam persidangan antarabangsa berkaitan dengan perhutanan serta memberi khidmat nasihat berkaitan hal perhutanan serta memberi khidmat nasihat berkaitan hal perhutanan sama ada di peringkat persekutuan dan negeri.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Pemelihara Hutan Gred G9**

##### **4.1.1 Aspek Merancang**

- a. Menyediakan perancangan projek-projek pembangunan hutan dan kewangan di peringkat negeri atau persekutuan.
- b. Melaksanakan projek-projek pembangunan hutan dan kewangan di peringkat negeri atau persekutuan.
- c. Menyediakan laporan kemajuan fizikal dan kewangan projek-projek secara bulanan/ suku tahunan.

##### **4.1.2 Aspek Mengurus**

- a. Menyediakan laporan perbelanjaan mengurus bulanan/ suku tahunan.

- b. Melaksanakan perbelanjaan mengurus mengikut peruntukan yang diluluskan.

#### 4.1.3 Aspek Pembangunan

- a. Melaksanakan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan seperti berikut:
  - i. penilaian sumber hutan/ *biodiversity* hutan/ sumber air bagi peringkat nasional dan wilayah.
  - ii. pembangunan projek penanaman pokok hutan termasuk pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di persisiran pantai.
  - iii. aktiviti perhutanan tani dan tanaman mengaya.
  - iv. aktiviti-aktiviti pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan hutan serta perhutanan masyarakat termasuk *forest eco-park*.
  - v. sistem aplikasi perhutanan JPSM.

#### 4.1.4 Aspek Operasi (di peringkat negeri)

- a. Melaksanakan pengurusan sumber hutan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- b. Melaksanakan Rancangan Pengurusan Hutan.
- c. Mengumpul maklumat sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- d. Menyediakan laporan permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- e. Menjalankan penguatkuasaan undang-undang hutan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.
- f. Melaksanakan pematuhan mengikut kehendak-kehendak MS ISO 9000 dan Kriteria dan Petunjuk (MC&I) untuk pensijilan pengurusan hutan.

#### 4.1.5 Aspek Operasi (di peringkat daerah)

- a. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang hutan termasuk industri berdasarkan kayu dan rondaan di peringkat daerah.

- b. Melaksanakan pengawalan pengeluaran hasil hutan diperingkat daerah termasuk kutipan hasil hutan.
- c. Memproses permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan dari segi status dan maklumat kawasan.
- d. Menyediakan dan mengemukakan draf kawasan lesen pengusaha hasilan hutan ke peringkat daerah.

#### 4.1.6 Aspek Pentadbiran (di peringkat daerah)

- a. Mengurus hal ehwal pentadbiran am, perkhidmatan, perjawatan, disiplin dan pengurusan kewangan.
- b. Menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Jabatan Perhutanan di peringkat daerah.
- c. Menyediakan belanjawan, mengawal perbelanjaan dan menyediakan penyata akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.
- d. Menjalankan aktiviti pengembangan perhutanan di peringkat daerah dengan tujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai perhutanan.

#### 4.1.7 Aspek Latihan (di peringkat persekutuan)

- a. Melaksanakan program latihan perhutanan tahunan yang lengkap dan komprehensif.
- b. Melaksanakan aktiviti latihan yang dijalankan di negeri-negeri mengikut program latihan jabatan.
- c. Melaksanakan kursus dan peperiksaan jabatan mengikut jabatan.
- d. Melaksanakan aktiviti pengembangan perhutanan dengan tujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai perhutanan.

### 4.2 Pemelihara Hutan Gred G10

#### 4.2.1 Aspek Merancang

- a. Menyelia perancangan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan.
- b. Melaksanakan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan.

- c. Mengumpul dan menyedia laporan kemajuan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri dan persekutuan.

#### 4.2.2 Aspek Mengurus

- a. Mengumpul dan menyediakan laporan perbelanjaan mengurus bulanan/ suku tahunan.
- b. Melaksanakan perbelanjaan mengurus mengikut peruntukan yang diluluskan.

#### 4.2.3 Aspek Pembangunan

- a. Memantau dan melaksanakan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan seperti berikut:
  - i. penilaian sumber hutan/ *biodiversity* hutan/ sumber air bagi peringkat nasional dan wilayah.
  - ii. pembangunan projek penanaman pokok hutan termasuk pokok bakau dan spesis yang bersesuaian di persisiran pantai.
  - iii. aktiviti perhutanan tani dan tanaman mengaya.
  - iv. aktiviti-aktiviti pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan hutan serta perhutanan masyarakat termasuk *forest eco-park*.
  - v. sistem aplikasi perhutanan JPSM.

#### 4.2.4 Aspek Operasi (di peringkat negeri)

- a. Memantau dan melaksanakan pengurusan sumber hutan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- b. Memantau dan melaksanakan Rancangan Pengurusan Hutan.
- c. Menyemak maklumat sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- d. Menyediakan laporan permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- e. Mengatur dan merangka jadual penguatkuasaan undang-undang hutan dilaksana dan dipatuhi.

- f. Bertindak sebagai Pegawai Dokumen dalam pelaksanaan pematuhan mengikut kehendak-kehendak MS ISO 9000 dan Kriteria dan Petunjuk (MC&I) untuk pensijilan pengurusan hutan.

#### 4.2.5 Aspek Latihan (di peringkat persekutuan)

- a. Memantau dan melaksanakan rancangan pembangunan modal insan jabatan.
- b. Memantau dan melaksanakan modul latihan pegawai dan kakitangan jabatan.
- c. Memantau dan melaksanakan program latihan perhutanan tahunan yang lengkap dan komprehensif.
- d. Memantau dan melaksanakan aktiviti latihan yang dijalankan di negeri-negeri mengikut program latihan jabatan.
- e. Melaksanakan kursus dan peperiksaan jabatan mengikut jabatan.

### 4.3 Pemeliharaan Hutan Gred G12

#### 4.3.1 Aspek Merancang

- a. Memantau projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan.
- b. Menyemak laporan kemajuan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan yang sedang dilaksanakan.
- c. Menyelia projek-projek yang dirancang dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### 4.3.2 Aspek Mengurus

- a. Menyelia perancangan belanjawan mengurus tahunan bagi unit.
- b. Menyemak perjalanan perbelanjaan mengurus mengikut peruntukan yang diluluskan.

#### 4.3.3 Aspek Pembangunan

- a. Menyelia aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan seperti berikut:

- i. penilaian sumber hutan/ *biodiversity* hutan/ sumber air bagi peringkat nasional dan wilayah.
  - ii. pembangunan projek penanaman pokok hutan termasuk pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di persisiran pantai.
  - iii. aktiviti perhutanan tani dan tanaman mengaya.
  - iv. aktiviti-aktiviti pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan hutan serta perhutanan masyarakat termasuk *forest eco-park*.
  - v. pelaksanaan sistem aplikasi perhutanan JPSM.
- b. Menyelia pelaksanaan Rancangan Penghutanan Semula (RPS).

#### 4.3.4 Aspek Operasi (di peringkat negeri)

- a. Menyelia pelaksanaan pengurusan sumber hutan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan dan Rancangan Pengurusan Hutan.
- b. Menyelaras pentadbiran sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- c. Menyemak laporan permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- d. Menyelia pembangunan industri berasaskan kayu selaras dengan Pelan Induk Perindustrian.
- e. Menyelia penguatkuasaan undang-undang hutan dilaksana dan dipatuhi.
- f. Menyelia pelaksanaan pematuhan mengikut kehendak-kehendak MS ISO 9000 dan Kriteria dan Petunjuk (MC&I) untuk pensijilan pengurusan hutan.

#### 4.3.5 Aspek Operasi (di peringkat persekutuan)

- a. Memantau dan menyelaras aspek-aspek penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang dalam kerja-kerja operasi hutan.
- b. Mengendalikan audit dalaman MS ISO 9000 jabatan.

- c. Memantau pelaksanaan kriteria dan petunjuk untuk pensijilan pengurusan hutan.

#### 4.3.6 Aspek Antarabangsa (di peringkat persekutuan)

- a. Menyelaras perjalanan persidangan dan mesyuarat-mesyuarat di peringkat antarabangsa dan serantau.
- b. Menyelaras lawatan rasmi pelawat luar negara yang berkaitan dengan perhutanan di peringkat Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia.
- c. Menyediakan *intervention note* dan *country report*.
- d. Mengkaji kesesuaian cadangan projek kerjasama antarabangsa dalam bidang perhutanan serta memberi maklum balas.

#### 4.3.7 Aspek Latihan (di peringkat persekutuan)

- a. Menyelaras program latihan perhutanan tahunan yang lengkap dan komprehensif.
- b. Memantau pelaksanaan aktiviti latihan yang dijalankan di negeri-negeri mengikut program latihan jabatan.
- c. Menyelaras kursus dan peperiksaan jabatan diadakan mengikut jadual.
- d. Menyelaras aktiviti pengembangan perhutanan dengan tujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai perhutanan.

### 4.4 Pemelihara Hutan Gred G13

#### 4.4.1 Aspek Merancang

- a. Mengenal pasti projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan.
- b. Menilai kemajuan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan yang sedang dilaksanakan.
- c. Menyelaras projek-projek yang dirancang dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

#### 4.4.2 Aspek Mengurus

- a. Menyelaras perancangan belanjawan mengurus tahunan bagi unit.

- b. Memantau perjalanan perbelanjaan mengurus mengikut peruntukan yang diluluskan.

#### 4.4.3 Aspek Pembangunan

- a. Menyelaras aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan seperti berikut:
- i. penilaian sumber hutan/ *biodiversity* hutan/ sumber air bagi peringkat nasional dan wilayah.
  - ii. perancangan pembangunan projek penanaman pokok hutan termasuk pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di persisiran pantai.
  - iii. perancangan aktiviti perhutanan tani dan tanaman mengaya.
  - iv. perancangan aktiviti-aktiviti pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan hutan serta perhutanan masyarakat termasuk *forest eco-park*.
  - v. memberi khidmat nasihat kepada kerajaan dalam semua aspek pengurusan dan pembangunan hutan.
  - vi. menyelaras pelaksanaan sistem aplikasi perhutanan JPSM.
- b. Memantau pelaksanaan Rancangan Penghutanan Semula (RPS).

#### 4.4.4 Aspek Operasi (di peringkat negeri)

- a. Menyelaras pengurusan sumber hutan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- b. Menyelaras pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan.
- c. Menasihat Pihak Berkuasa Negeri dalam pentadbiran sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- d. Menyemak semula laporan permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- e. Memantau pembangunan industri berdasarkan kayu selaras dengan Pelan Induk Perindustrian.
- f. Menyelaras dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang hutan dilaksana dan dipatuhi.

- g. Menyelaras pelaksanaan pematuhan mengikut kehendak-kehendak MS ISO 9000 dan Kriteria dan Petunjuk (MC&I) untuk pensijilan pengurusan hutan.

## 4.5 Pemelihara Hutan Gred G14

### 4.5.1 Aspek Merancang

- a. Mengetuai perancangan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan.
- b. Memastikan hala tuju perancangan projek-projek pembangunan hutan di peringkat negeri atau persekutuan selaras dengan dasar-dasar kerajaan.
- c. Bertanggungjawab dalam memastikan projek-projek yang dirancang dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

### 4.5.2 Aspek Mengurus

- a. Mengetahui penyediaan belanjawan mengurus tahunan bagi unit/ negeri.
- b. Memastikan belanjawan mengurus mengikut peruntukan yang diluluskan.

### 4.5.3 Aspek Pembangunan

- a. Melaksanakan dasar dan menggubal garis panduan/ sistem/ teknik pengurusan dan pembangunan hutan seperti berikut:
  - i. sistem penilaian sumber hutan/ *biodiversity* hutan/ sumber air bagi peringkat nasional dan wilayah.
  - ii. garis panduan pembangunan projek penanaman pokok hutan termasuk pokok bakau dan spesies yang bersesuaian di persisiran pantai.
  - iii. garis panduan perhutanan tani dan tanaman mengaya.
  - iv. sistem dan teknik pelaksanaan yang sesuai untuk meningkat tahap keberkesanan aktiviti-aktiviti pembangunan, pemuliharaan dan pemeliharaan hutan serta perhutanan masyarakat.
  - v. memberi khidmat nasihat kepada kerajaan dalam semua aspek pengurusan dan pembangunan hutan.

- vi. mengenal pasti dan membangunkan sistem aplikasi perhutanan JPSM.
- b. Menyedia dan melaksanakan Rancangan Perhutanan Semula (PRS).

#### 4.5.4 Aspek Operasi (di peringkat negeri)

- a. Melaksanakan pengurusan sumber hutan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.
- b. Merancang dan mengurus pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan.
- c. Menasihat Pihak Berkuasa Negeri dalam pentadbiran sumber hutan untuk penghasilan pendapatan yang optimum.
- d. Mengesahkan laporan permohonan kawasan pengusaha hasilan hutan sebelum diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- e. Mengawal pembangunan industri berdasarkan kayu selaras dengan Pelan Induk Perindustrian.
- f. Melaksanakan dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang hutan dilaksana dan dipatuhi.
- g. Bertanggungjawab kepada pelaksanaan pematuhan mengikut kehendak-kehendak MS ISO 9000 dan Kriteria dan Petunjuk (MC&I) untuk pensijilan pengurusan hutan.

#### 4.5.5 Aspek Pentadbiran (di peringkat negeri)

- a. Menyediakan laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Jabatan Perhutanan Negeri sepanjang tahun.
- b. Menyedia belanjawan, mengawal perbelanjaan dan menyediakan penyata akaun Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

#### 4.5.6 Aspek Latihan (di peringkat persekutuan)

- a. Menyediakan program latihan perhutanan tahunan yang lengkap dan komprehensif.
- b. Memastikan aktiviti latihan yang dijalankan di negeri-negeri mengikut program latihan jabatan.
- c. Memastikan dan mengendalikan kursus dan peperiksaan jabatan diadakan mengikut jadual.

- d. Menjalankan aktiviti pengembangan perhutanan dengan tujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai perhutanan.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### Dalaman

- a. Peringkat atasan.
- b. Rakan sekerja di pejabat/ unit/ negeri/ daerah.

### Luaran

- a. Orang awam/ profesional.
- b. Kementerian/ jabatan agensi-agensi kerajaan.
- c. Agensi antarabangsa/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

## 6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.
- b. Dalam dan luar negara.

## 7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Ijazah Sarjana Muda Sains (Perhutanan) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- b. Berkemahiran dalam mengendalikan komputer.
- c. Berkebolehan menganalisa maklumat perhutanan.
- d. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- e. Berkebolehan memberikan pendapat/ pandangan secara profesional, memberi khidmat nasihat dan mengemukakan hujah-hujah yang bernes semasa perundingan.
- f. Berkebolehan dalam menulis laporan umum dan saintifik yang berkualiti.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Integriti/ amanah.
- b. *Espirit de Corps.*
- c. Bertanggungjawab/ akauntabiliti.
- d. Profesionalisme.
- e. Kebebasan, adil dan saksama.
- f. Kualiti.
- g. Kerahsiaan.
- h. Kecekapan dan ketelitian.
- i. Disiplin diri.

## **9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Rasuah.
- b. Penyalahgunaan kuasa.
- c. Tekanan kerja.
- d. Ketirisan maklumat.
- e. Masalah sosial.
- f. Binatang buas.
- g. Gigitan serangga.
- h. Risiko sesat.
- i. Tumbuhan beracun.